

→ PERSIDANGAN

Info

Lapan resolusi dicapai dalam Konvensyen Integriti Nasional

Pelaksanaan instrumen psikometrik diguna bagi menilai profil integriti individu sebagai tapisan dalam proses pelantikan pegawai baharu di sektor awam
→ **Pemimpin politik** disaran memberi fokus kepada pengubahan dasar dan undang-undang

bagi mengurangkan campuran dalam perkhidmatan awam
→ **Disyorkan pelaksanaan** proses pengesahan terhadap semua laporan pengisytiharan harta yang meragukan dalam kalangan penjawat awam
→ **Memupuk minat** mendalam

terhadap kerja dan pematuhan etika melalui latihan berterusan bagi meningkatkan kompetensi perkhidmatan awam
→ **Mempertingkatkan jalinan** kerjasama strategik dengan pihak media bagi menjalin persefahaman lebih kukuh untuk mem-

perkasakan imej perkhidmatan awam
→ **Menyarankan supaya latihan** praperkhidmatan untuk jawatan berisiko tinggi dilaksanakan bagi membolehkan pemantauan dan penilaian rapi dibuat sebelum dilantik dalam perkhidmatan

KONVENSYEN INTEGRITI NASIONAL 2016

Psikometrik nilai integriti kakitangan awam

BH
19/11/16
m/s 18



[FOTO YAZIT RAZALI/BH]

Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang (tengah) dan Anis Yusal (kiri) berbual dengan peserta selepas merasmikan majlis penutup Konvensyen Integriti Nasional 2016 di Kuala Lumpur, semalam.

→ Kaedah mampu tingkatkan kualiti, urus tadbir sektor berisiko tinggi

Oleh Rohaniza Idris
roha@bh.com.my
Kuala Lumpur

Kaedah psikometrik dicadang bagi menilai integriti kakitangan awam dalam usaha meningkatkan kualiti integriti dan tadbir urus perkhidmatan awam.

Presiden Institut Integriti Malaysia (IIM), Dr Anis Yusal Yusoff, berkata kaedah sama terbukti ber-

kesan dalam menilai kakitangan di sektor berisiko tinggi yang terabit dalam isu berkaitan integriti.

Katanya, IIM mempunyai program khusus bagaimana kaedah psikometrik boleh diguna pakai dalam menilai integriti kakitangan awam.

Enam agensi sudah laksana
"Setakat ini, kaedah itu sudah dilaksanakan di enam agensi kerajaan yang berkaitan dengan sektor

berisiko tinggi membabitkan isu integriti.

"Polis menjalankan kaedah sama untuk pengambilan pegawainya, bermakna hanya yang lulus ujian itu layak dilantik dan menjawat jawatan," katanya ketika ditemui selepas Konvensyen Integriti Nasional 2016, di sini, semalam.

Beliau mengulas lapan resolusi dalam konvensyen itu yang antara lain mencadangkan kaedah psikometrik diguna untuk menilai profil integriti individu dalam proses pe-

lantikan pegawai baharu di sektor awam.

Dr Anis Yusal berkata, lapan resolusi termasuk kaedah psikometrik itu akan diaudit IIM sebelum dibentangkan kepada Kabinet.

Beliau berharap perkara itu dipertimbangkan kerajaan untuk memantapkan lagi imej tadbir urus kerajaan yang tercalar dengan beberapa isu rasuah dan salah guna kuasa dengan terbaharu membabitkan Jabatan Air Negeri Sabah (JANS).